

SOALAN NO: 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA. PENGGAL KEEMPAT.

PARLIMEN KETIGA BELAS.

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 15 MAC 2016

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani Bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan langkah-langkah segera terhadap pindaan Akta 1955 dalam proses Perjanjian TPPA.

PR-1341-L71896

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan unjuran di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), sebanyak 1.5 juta pekerjaan baharu akan diwujudkan menjelang tahun 2020 bagi menampung jangkaan pertumbuhan 2.1 peratus tenaga buruh negara. Sebanyak 60 peratus daripada peluang kerja baru memerlukan kemahiran berkaitan *Technical and Vocational Education Training* (TVET). Sehubungan itu, peranan Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran dan Jabatan Tenaga Manusia adalah lebih berfokus kepada melahirkan pekerja berkelulusan TVET yang berkemahiran tinggi.
2. Kerangka dasar ini terkandung dalam dokumen Rancangan Malaysia Kesebelas, Bab 5 mengenai Pembangunan Modal Insan.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, bayaran faedah penamatan kerja bagi pekerja-pekerja yang diberhentikan oleh majikan telah diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan Kerja (Faedah-Faedah Penamatan dan Rentikerja Sentara) 1980 di bawah Akta Kerja 1955, Ordinan Buruh (Sabah Bab 67) dan Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76).

4. Sebagai penambahbaikan kepada peruntukan undang-undang faedah penamatan kerja sedia ada, KSM sedang mengkaji pelaksanaan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) di Malaysia seperti mana yang diamalkan oleh kebanyakkan negara misalnya Korea, Jepun dan Taiwan. SIP merupakan suatu jaringan keselamatan sosial bagi membantu mengurangkan beban tekanan para pekerja yang kehilangan pekerjaan dan memelihara kebijakan serta menjamin kesejahteraan mereka.
5. Di samping itu, elemen *active labour market policies* (ALMP) yang dicadangkan sebagai salah satu komponen utama SIP akan menyediakan bantuan dari segi kaunseling dan latihan bagi meningkatkan kebolehpekerjaan (*employability*) pekerja ditamatkan pekerjaan serta bantuan pencarian dan pemandanan kerja bagi membantu pekerja mendapatkan pekerjaan baharu secepat mungkin.